

30 OGOS 2023 13 SAFAR 1445H TAZKIRAH SENAT



MERDEKA PEMIKIRAN SLOGAN TINDAKAN DAN AMALAN


Mesyuarat Senat Bil 11/2022/2023

Mukadimah

- Merdeka bukan hanya bebas dari penjajahan aspek fizikal sahaja, tetapi yang lebih utama bebas dari kejahilan dan kebodohan.
- Merdeka tidak hanya dari segi laungan dan slogan, tetapi mestilah dibetuli dengan amalan dan tindakan.
- Merdeka bukan lepas bebas tanpa kawalan, tetapi kemampuan memilih apa yang lebih baik yang sesuai dengan fitrah insan.

"Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dari perhambaan terhadap sesama manusia, kepada mengabdikan diri kepada Allah, dari kesempitan dunia kepada keluasannya, dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam..."

(Perang Qadisiah dipimpin oleh Sa'ad bin Abi Waqqas RA setelah menang dalam Perang Yarmuk mengalahkan Rom Byzantine. Dalam Perang Qadisiah, tentera Muslim seramai 30 ribu orang dapat menewaskan 200 ribu tentera Parsi).



Ucapan **Rib'i ibn 'Amir**, sahabat Rasulullah SAW dan panglima tentera Islam kepada Rustum, ketua tentera Parsi.

Maksud kemerdekaan ialah bebas dari kezaliman dan perhambaan

"Kemerdekaan ialah berubah daripada kepercayaan bodoh yang melemahkan akal dan ikhtiyar kepada kepercayaan yang cerdik yang membebaskan fikiran; daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan dia; daripada i'tiqad-i'tiqad yang serong dan terpesong kepada i'tiqad yang subur dan merdeka...."



Pendeta Za'ba

Lahir di Negeri Sembilan pada 16 September 1895. Meninggal dunia di Petaling Jaya pada 23 Oktober 1973. (78 tahun)


"Perjuangan membebaskan tanah air harus segera disusuli dengan perjuangan memerdekakan minda (*Istiqlal al-'aqI*). Apalah erti kemerdekaan bumi pertiwi, jika rakyat peribuminya masih tetap berminda anak jajahan. Membangkitkan jiwa merdeka adalah agenda terpenting yang tidak boleh dikompromikan".



Malik Bennabi

Lahir di Algeria 1 Januari 1905. Meninggal dunia di Algeria 31 Oktober 1973. (68 tahun)

"Apabila disebut kebebasan dalam tradisi Islam, ia sebenarnya merujuk kepada istilah *ikhtiyar* iaitu memilih sesuatu untuk yang lebih baik". Oleh itu, maksud kemerdekaan adalah kebebasan berbuat menurut tuntutan sifat dasarnya yang benar dan selari dengan fitrah insani dan tuntutan ilahi.



Syed Muhammad Naquib al-Attas

Lahir di Bogor, 5 September 1931. (92 tahun)

Bahaya Lidah

 Nabi Muhammad SAW menggambarkan azab kepada golongan yang pandai bercakap tetapi melakukan sebaliknya. Sabda Rasulullah SAW maksudnya: "Pada hari kiamat kelak, seorang lelaki akan dicampak ke dalam neraka, lalu usus perutnya terkeluar membelit badan. Dia berputar seperti keldai berputar mengelilingi mesin kisar (dalam keadaan mata tertutup). Ahli neraka (yang kehairanan) segera berkumpul menghampirinya dan bertanya ...

 "Wahai si fulan, kenapa kamu diperlakukan sebegini? Bukankah kamu dahulu (orang yang baik) yang selalu menyuruh kami berbuat kebaikan dan melarang kami daripada kejahatan?" Dia menjawab: "(Memang) dahulu aku menyuruh kalian melakukan kebaikan, tetapi aku sendiri tidak melakukannya. Aku juga melarang kalian daripada kemungkaran, tetapi aku sendiri yang melakukannya".

(Sahih Bukhari dan Muslim)



- Bercakap memang mudah, kerana modalnya cuma air liur sebagai pelincir lafaz dan lidah sebagai enjin penggerak kata.
- Lidah adalah anggota tidak bertulang, pergerakannya bebas tanpa batasan. Kadang kala apa yang diucapkan tidak seiring dengan tindakan yang dilakukan.
- Nabi Muhammad SAW memberikan nasihat dan peringatan kerana terdapat ramai yang menjadi munafik disebabkan lidahnya.

 Sabda Rasulullah SAW maksudnya: "Sesungguhnya apa yang sangat aku risaukan (muncul) dalam kalangan umatku adalah orang munafik yang lidahnya sangat berpengetahuan (bercakap baik dan menyuruh orang melakukan kebaikan tetapi sebenarnya hatinya berjiwa kotor)". Musnad Ahmad

Surah Al-Baqarah, 204

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُعَجِبُكَ قُولُهُ فِي ٱلْحَيَوةِ ٱلدُّنيا وَيُشْهِدُ ٱللَّهُ عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ وَهُو ٱلدِّ الْخِصَامِ (الله عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ وَهُو ٱلدُّ ٱلْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو ٱلدُّ ٱلْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو ٱلدُّ ٱلْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو ٱلدُّ الْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو ٱلدُّ الْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو الدُّ الْخِصَامِ (الله عَلَى عَلَيْهِ وَهُو الدُّ الْخِصَامِ (الله عَلَى الله ع

Maksudnya: "Dan dalam kalangan manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah orang yang amat keras permusuhannya (kepadamu)".

- 'cakap tak serupa bikin' adalah amalan yang dikutuk oleh Allah SWT. Sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?" (Surah Al-Baqarah 2:44).
- Ayat ini menegur para ilmuwan ahli kitab yang bijak berbicara mengajak orang melakukan kebaikan, tetapi mereka melupakan diri sendiri.
- Disuruhnya orang bersedekah, tetapi hartanya dikunci rapat di dalam peti besi. Diajaknya orang beribadah, tetapi kitab Al-Qur'an berabuk sudah lama tidak dipeduli.

- Pada malam Israk dan Mikraj Nabi Muhammad SAW menyaksikan suatu pemandangan yang menggentarkan jiwa:
- Baginda bersabda maksudnya: "Pada malam aku dibawa berjalan malam (ke langit) aku melewati satu kaum yang dikepit bibir mereka dengan pemotong api. Aku bertanya kepada Jibril; Siapa (dan apa punca azab) mereka ini?" Jibril menjawab: "Mereka adalah pendakwah dan ilmuwan (dalam kalangan) umatmu di dunia yang dahulunya menyuruh orang melakukan kebaikan, tetapi melupakan diri mereka sendiri, sedangkan mereka sentiasa membaca al-Quran. Mengapakah mereka tidak berfikir?".

(Musnad Ahmad)


- Allah SWT turut menegur umat Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW yang bersungguh-sungguh mahu berjihad ketika mereka disiksa oleh musyrikin Quraisy di Mekah.
- Sebaliknya, mereka pula gementar dan berat hati untuk berjihad bersama Rasulullah SAW setelah difardhukan jihad ketika di Madinah. (Tafsir Ibn Kathir).
- Oleh itu, keadaan boleh merubah pemikiran dan tindakan seseorang. Semangat boleh menjadi pudar apabila berada di zon selamat dan selesa.

Surah As-Saff Ayat 2-3

يَنَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ لَيُّ كَالَّهُ اللَّهُ عَلُونَ لَيُّ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفْعَلُونَ لَيُّ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفْعَلُونَ لَيُّ اللَّهُ اللَّهُ عَلُونَ لَيْ

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!. Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Katak dan Air Mendidih



Letak seekor katak di dalam bekas berisi air dan panaskan air itu di atas dapur. Apabila suhu air mulai panas, katak akan menyesuaikan suhu badannya dengan suhu air. Hanya apabila air mencapai tahap mendidih, dan katak sudah tidak dapat menyesuaikan lagi, barulah dia mahu melompat keluar. Tetapi dia sudah terlambat. Akhirnya katak itu mati. Apakah punca yang telah menyebabkan katak itu mati?

- Ada yang berkata, air yang mendidih menjadi punca yang mematikan katak. Tetapi sebenarnya yang membunuh katak adalah ketidakmampuan dirinya untuk membuat keputusan bilakah dia sepatutnya MELOMPAT keluar.
- Demikian juga dengan keadaan kita sekarang. Jangan menunggu untuk berubah. Tetapi berusahalah untuk berubah.
- Ujian yang paling sukar ialah ketika berada dalam zon selesa (comfort zone). Oleh itu, mulalah MELOMPAT apabila telah menyedari kesilapan dan MERDEKAkan diri daripada pemikiran, amalan dan tindakan yang salah.

Kesimpulan

- Kita masih belum merdeka jika hanya mampu bercakap dengan slogan yang menyakinkan, tetapi kosong dari segi amalan dan tindakan.
- Kita hendaklah bijak memilih sesuatu yang benar berdasarkan pemikiran yang jernih, bebas daripada kebodohan dan keta'asuban.
- 3. Sebagai pewaris kemerdekaan janganlah terlalai dengan kemewahan dan hiburan sehingga tergadai nasib anak bangsa bagaikan ayam mati di atas padi. Miskin di negeri sendiri. Merempat di negara yang kaya. Ibarat melukut di tepi gantang. Lalu hilang jati diri dan lemah pendirian serta tiada semangat untuk berlawan.

سَبُعَانَكَ اللَّهُ مَ وَجَعَدِكَ اَشْهُدُ اَنْ لَا الْهُ اللَّهُ الْنَاتَ اسْتَغْفِرُكَ وَانْوْبُ الدَّكُ الدَّاكَ .

"Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu"